

---

## BAB TIGA

---

---

# **AKTIVITI PELABURAN DI BIMB CAWANGAN BANTING**

---

Dr. Mohd. Salleh bin Mohd. Ali  
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan

Dr. Mohd. Salleh bin Mohd. Ali  
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan

Dr. Mohd. Salleh bin Mohd. Ali  
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan

Dr. Mohd. Salleh bin Mohd. Ali  
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan

### **3.1 PENDAHULUAN**

BIMB cawangan Banting telah ditubuhkan pada tahun 1993 sebagai cawangan mini yang memberikan perkhidmatan kepada penduduk sekitar terutama di sekitar Daerah Kuala Langat. Maka di dalam bab ini, perbincangan menumpukan kepada BIMB cawangan Banting dari segi kedudukan geografi, penduduk dan akhir sekali melihat kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan.

### **3.2 LATAR BELAKANG DAERAH KUALA LANGAT**

Banting pada asalnya adalah sebuah kampung kecil yang dari semasa ke semasa telah mengalami perubahan dan berkembang membangun menjadi sebuah bandar atau pekan di Daerah Kuala Langat. Pada dasarnya memperkatakan tentang Banting tidak boleh lepas daripada membicarakan tentang Daerah Kuala Langat kerana daerah ini merupakan daerah yang keempat terbesar di Selangor di antara 9 buah daerah yang ada. Di antara pusat penempatan yang menjadi tumpuan pula adalah bandar Banting. Daerah ini terletak 45 kilometer dari Klang dan mempunyai kawasan seluas 82,066.7 hektar<sup>1</sup> atau 853 km<sup>3</sup>. Luas ini hanya 0.26% daripada keluasan Malaysia (330,113 km<sup>3</sup>) dan 10.7% daripada keluasan Selangor (7,955 km<sup>3</sup>).<sup>2</sup> Jumlah penduduknya pula adalah seramai 129,696 orang (Draf Rancangan Struktur Kuala Langat 1995) iaitu hanya 5.7 % daripada penduduk Selangor.

<sup>1</sup> Majlis Daerah Kuala Langat, *Buletin Pelancongan Daerah Kuala Langat*, 1998, m.s. 1.

<sup>2</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2000*, September 2000.

Mengikut Cadangan Pengurusan Degis Daerah Kuala Langat, daerah ini mempunyai jumlah penduduk seramai 141,446 orang.<sup>3</sup> Ia merupakan kadar pertumbuhan penduduk yang rendah iaitu 2% berbanding dengan pertumbuhan negeri Selangor iaitu 4.4 % setahun.<sup>4</sup> Namun pada tahun 2001 adalah dijangkakan jumlahnya akan meningkat kepada 138,853 orang dengan kadar 2.2 % setahun.<sup>5</sup>

Jadual 3.1 : Pembahagian mukim, luas dan penduduk Daerah Kuala Langat.

<b>Nama Mukim</b>	<b>Luas</b>	<b>Penduduk</b>	<b>Melayu</b>	<b>Cina</b>	<b>India</b>	<b>Asli</b>	<b>Lain-lain</b>
Jugra	18,495	3,560	2,540	520	500	0	0
Batu	12,143	24,249	5,817	17,113	935	382	0
Morib	2,470	2,884	2,059	537	225	43	0
Bandar	3,876	9,471	8,404	811	256	0	0
Kelanang	7,108	15,160	2,236	1,835	843	236	55
Teluk Panglima Garang	8,071	31,123	14,023	15,906	1,194	0	300
Tanjung Dua Belas 1	29,626	26,463	14,571	7,7467	3,383	924	114
Tanjung Dua Belas 11	5,015	12,140	11,736	19	3	382	0
<b>Jumlah</b>	<b>86,804</b>	<b>125,010</b>	<b>61,388</b>	<b>44,208</b>	<b>7,339</b>	<b>1,967</b>	<b>469</b>

Sumber : Unit Degis Daerah, Pejabat Daerah Kuala Langat (Bahagian Pembangunan).

Jadual 3.1 di atas menunjukkan nama-nama mukim yang terdapat di Daerah Kuala Langat, jumlah keluasan dan penduduknya yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Maklumat ini adalah penting ketika penulis melakukan soal selidik. Walaupun begitu, penulis mendapat maklumat yang bercanggah daripada buku Laporan Kiraan Permulaan Jabatan Perangkaan Malaysia yang

<sup>3</sup> Unit Degis Daerah, *Cadangan Pengurusan Degis Daerah Kuala Langat*, 2000, m.s. 9.

<sup>4</sup> Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina UTM, *Laporan Akhir Kajian Semula Rancangan Struktur Daerah Kuala Langat*, Mac 1997, m.s. 25.

<sup>5</sup> Maklumat daripada Bahagian Pembangunan Majlis Daerah Kuala Langat.

mencatatkan bahawa jumlah penduduk Daerah Kuala Langat adalah seramai 189,983 orang atau hanya 4.8% daripada Penduduk Selangor yang berjumlah 3,947,527 juta orang. Jumlah ini berlainan mungkin kerana bincian yang dibuat adalah secara berasingan yang menyebabkan perbezaan di dalam menentukan jumlah yang tepat.

Maka dengan keluasan Daerah Kuala Langat ini hanya terdapat satu cawangan BIMB sahaja yang merupakan cawangan penuh iaitu terletak di bandar Banting. Banting berkeluasan 1,773 hektar dan jumlah penduduknya seramai 3,693 orang di mana 7.6 % atau 281 orang adalah berbangsa Melayu. Penduduk Cina lebih menguasai bandar ini dengan 3,194 orang atau 86.5 % daripada keseluruhan penduduk bandar Banting.

Bandar ini merupakan bandar tumpuan di Daerah Kuala Langat selain daripada Pekan Telok Panglima Garang, Pekan Jenjarom dan Pekan Tanjung Sepat. Di sini terletak pejabat-pejabat kerajaan Daerah Kuala Langat, balai polis, hospital dan tumpuan bank-bank utama seperti Maybank Berhad dan Arab Malaysian Finance Berhad. Maka kajian ini akan cuba melihat penglibatan masyarakat Islam terhadap pelaburan di BIMB cawangan Banting. Hipotesis penulis adalah kebanyakan daripada pelanggan BIMB cawangan Banting adalah terdiri daripada penduduk di Daerah Kuala Langat.

### 3.2.1 Pekerjaan

Dilihat daripada segi pekerjaan pula, secara khususnya didapati penduduk Banting melakukan pelbagai pekerjaan seperti di sektor pertanian, perkilangan atau perniagaan.

Jadual 3.2 : Pekerjaan penduduk Banting.

Bidang	Jumlah
1. Pertanian, penternakan atau nelayan.	560
2. Perlombongan/kuari.	-
3. Perkilangan (bekerja di kilang).	384
4. Kerja pembinaan rumah, bekerja dengan pemaju perumahan atau syarikat pembinaan.	235
5. Kakitangan Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Bekalan Air Selangor atau bekerja dengan syarikat pengedar gas.	42
6. Bekerja dengan syarikat pengangkutan, Telekom, Pos atau menjalankan lori, bas atau teksi sendiri.	123
7. Perniagaan runcit/borong atau bekerja dengan perniagaan borong/runcit.	413
8. Berniaga warung makan atau bekerja di warung makan, restoran, hotel, pusat perlancungan dan sebagainya.	231
9. Kakitangan bank, syarikat kewangan, insuran, peguam atau syarikat perunding swasta.	43
10. Kakitangan kerajaan.	75
11. Bidang-bidang pekerjaan lain seperti stesen minyak dan mekanik.	28
12. Tidak bekerja (tidak termasuk pelajar) seperti tua atau cacat.	128
<b>Jumlah</b>	<b>2262</b>

Sumber : Borang Kutipan Data Sosio-Ekonomi Negeri Selangor 2001.

Jadual 3.2 di atas menunjukkan taburan pekerjaan penduduk Banting bagi tahun 2001. Daripada data di atas didapati seramai 560 orang atau 24.7 % bekerja sebagai petani atau penternak. Ini diikuti dengan perniagaan runcit seperti pasar atau kedai pakaian yang mewakili 18.2 % atau 413 orang yang bekerja di bidang

berkenaan. Seterusnya seramai 384 orang atau 17 % daripada penduduk Banting yang terlibat di dalam sektor perkilangan. Di sini dapat dilihat bahawa penduduk Banting adalah dipelopori oleh petani dan penternak. Maka secara induktifnya penduduk Daerah Kuala Langat terlibat di dalam sosio-ekonomi seperti pertanian, penternakan, nelayan dan perniagaan sepetimana penduduk Banting.

Maka daripada kemajuan yang dicapai oleh kawasan Banting, maka BIMB cawangan Banting telah ditubuhkan sesuai dengan keadaan persekitaran yang semakin bergerak maju pada waktu ia ditubuhkan.

### **3.3 BIMB CAWANGAN BANTING**

BIMB cawangan Banting ditubuhkan pada tahun 1993 sebagai cawangan mini yang tidak menawarkan perkhidmatan pembiayaan. Pada tahun 1997 ia telah dinaiktarafkan sebagai cawangan penuh. Sebelum tahun 1997, laporan kewangannya adalah digabungkan dengan BIMB cawangan Klang. Walaupun begitu, segala laporan kewangan di dalam kajian ini hanya bermula tahun 1998 kerana laporan tahun 1997 tidak terdapat di dalam simpanan BIMB cawangan Banting.

Jadual 3.3 : Jumlah cawangan BIMB di seluruh negara 1995-2000.

Cawangan	1995	1996	1997	1998*	1999	2000
<b>Jumlah Keseluruhan Cawangan Bank Islam</b>	-	-	-	-	120	122
<b>Jumlah Cawangan BIMB</b>	67	73	75	80	80	82
Penuh	40	42	51	56	61	62
Mini	27	31	24	24	19	20

Sumber : Laporan Tahunan BIMB 1995-2000.

BNM, Annual Report 2000.

\* sehingga Oktober 1998.

Jadual 3.3 menunjukkan taburan cawangan BIMB sehingga tahun 2000.

Daripada jadual didapati cawangan BIMB mengambil 66.7 % pada tahun 1999 dan 67 % pada tahun 2000 daripada keseluruhan cawangan bank Islam. Cawangan BIMB semakin meningkat setiap tahun kecuali pada tahun 1999. Cawangan mini sentiasa dinaiktarafkan kepada cawangan penuh menyebabkan jumlah cawangan penuh sentiasa meningkat. Cawangan penuh adalah cawangan yang menyediakan perkhidmatan yang lebih meluas seperti pembiayaan dan pelaburan berbanding dengan cawangan mini yang hanya menyediakan perkhidmatan akaun semasa, simpanan dan pelaburan sahaja.

### 3.4 PENGGUNAAN PERKHIDMATAN BIMB CAWANGAN BANTING

#### 3.4.1 Perkhidmatan Deposit.

Jadual 3.4 : Jumlah deposit di BIMB cawangan Banting 1998-2001.

Jenis Akaun / Tahun	1998	1999	2000	2001*
Akaun Semasa	5,346,283.77	8,905,383.58	8,834,464.08	8,954,760.07
Akaun Simpanan	7,227,630.75	9,553,892.49	10,991,407.65	13,350,220.61
Akaun Pelaburan	10,711,354.32	43,541,253.66	18,576,748.49	16,355,378.89
Akaun Simpanan <i>Mudārabah</i>	1,613,136.37	2,478,557.17	2,767,992.32	3,501,102.53
Akaun Simpanan Ijraa <i>Mudārabah</i>	11,888.05	13,694.35	24,820.12	43,420.82
Akaun Simpanan Wadi <i>Mudārabah</i>	150,977.85	283,910.57	471,693.74	685,287.53
Akaun Simpanan Pewani <i>Mudārabah</i>	-	10,045.86	42,408.72	64,389.04
Akaun Simpanan Sakinah	-	4,648,858.50	1,727,543.03	1,444,776.31
<b>Jumlah</b>	<b>25,061,271.11</b>	<b>69,435,596.18</b>	<b>43,437,078.15</b>	<b>44,399,335.80</b>

Sumber : BIMB cawangan Banting

\* sehingga Julai 2001

Daripada jadual 3.4 didapati jumlah deposit telah mengalami peningkatan sebanyak RM13.7 juta ringgit dalam tempoh tiga setengah tahun BIMB cawangan Banting beroperasi. Jumlah deposit sentiasa meningkat kecuali pada tahun 2000 di

mana deposit menurun hampir sebanyak RM26 juta atau 37.4 %. Akaun pelaburan mencatat nilai deposit paling tinggi iaitu RM11 juta pada tahun 1998, meningkat kepada RM43.5 juta tahun 1999. Pada tahun 2000 dan 2001, nilai depositnya turun kepada RM18.6 juta dan RM16.4 juta. Nilai ini sejajar dengan kadar pertumbuhannya iaitu 42.7 % tahun 1998, meningkat kepada 62.7 % sebelum turun kepada 42.8 % dan 36.8 % pada 2 tahun terakhir. Akaun simpanan Wadiah menjadi pilihan kedua pelabur di mana pada tahun 1998, akaun ini menyumbang sebanyak 28.8 % atau RM7.2 juta. Jumlah ini meningkat kepada RM9.6 juta walaupun peratus sumbangannya menurun kepada 13.8 % daripada keseluruhan deposit tahun berkenaan. Namun peratus ini meningkat semula pada tahun 2000 dan sehingga Julai 2001, akaun simpanan ini menyumbang 30.1 % atau RM13.4 juta ringgit.

Manakala jika melihat kepada pelaburan yang berdasarkan kepada *Mudārabah* pula, akaun simpanan *Mudārabah* merupakan akaun yang paling banyak menyumbang deposit di antara akaun-akaun lain yang menggunakan prinsip *Mudārabah*. Jumlah depositnya meningkat daripada RM1.6 juta atau 6.4 % pada tahun 1998 kepada RM3.5 juta atau 7.9 % pada 2001. Akaun simpanan Ijraa juga turut mengalami peningkatan deposit dengan peratusan sebanyak 15.2 % pada tahun 1999 kepada 81.2 % pada tahun 2000. Hanya pada 2001, peratusannya menurun kepada 74.9 % walaupun deposit meningkat sebanyak RM18,600.70 dari tahun sebelumnya. Akaun simpanan Wadi *Mudārabah* pula meningkat daripada segi peratusan dan jumlah depositnya. Misalnya pada tahun 1999, deposit akaun ini meningkat kepada RM284 ribu kepada RM472 ribu pada

tahun 2000 dan sehingga pertengahan tahun 2001 meningkat kepada RM685 ribu ringgit daripada jumlah deposit.

Akaun simpanan Pewani *Mudārabah* dan akaun Pelaburan Sakinah pula hanya menyumbangkan deposit pada mulai tahun 1999 dengan deposit permulaannya sebanyak RM10 ribu dan RM4.6 juta ringgit. Akaun pelaburan Sakinah walaupun deposit awalnya adalah tinggi tetapi depositnya semakin berkurangan setiap tahun kepada hanya RM1.7 juta pada tahun 2000 dan RM1.4 juta daripada Januari hingga Julai 2001. Jumlah akaun simpanan Pewani *Mudārabah* pula semakin meningkat pada tahun 2000 kepada RM42 ribu atau 0.1 % daripada keseluruhan jumlah deposit.

Melihat kepada komposisi akaun, akaun pelaburan memberi sumbangan paling tinggi kepada keseluruhan deposit. Pada 2 tahun terakhir, akaun ini menyumbangkan sebanyak 42.8 % dan 36.8 % daripada keseluruhan deposit. Akaun simpanan Wadiyah pula pada 2 tahun terakhir menyumbangkan sebanyak 25.3 % daripada keseluruhan deposit tahun 2000 dan sehingga Julai tahun ini, ia meningkat kepada 30.1 %. Ini diikuti oleh akaun semasa sebanyak 20.3 % pada tahun 2000 dan 20.2 % daripada Januari hingga Julai 2001. Akaun simpanan *Mudārabah* pula menyumbang sebanyak 6.4 % pada tahun 2000 dan 7.9 % pada tahun 2001. Akaun pelaburan Sakinah menyumbang 0.1 % tahun 2000 dan 2001. Akaun *Mudārabah* lain pula menyumbangkan sebanyak 1.25 % pada tahun 2000 dan 1.7 % daripada Januari hingga Julai 2001. Oleh itu secara keseluruhannya akaun berdasarkan prinsip *Mudārabah* menyumbangkan sebanyak 54.45 %

pada tahun 2000 dan 49.7 % pada tahun berikutnya. Ia tidak mencapai separuh daripada keseluruhan deposit.

Jadual 3.5 : Pertambahan dan pengurangan perkhidmatan deposit 1998-Julai 2001.

Jenis Akaun	1999		2000		2001	
	(+/-)	%	(+/-)	%	(+/-)	%
Akaun Semasa	3,559,099.80	66.6	- 70,919.50	-0.8	120,296.00	1.4
Akaun Simpanan	2,326,261.70	32.2	1,437,516.00	15	2,358,813.00	21.5
Akaun Pelaburan	32,829,899.34	306.5	- 24,964,505.17	-57	- 2,221,369.60	- 11.9
Akaun Simpanan <i>Mudārabah</i>	865,420.80	53.6	289,435.10	11.7	733,110.20	26.5
Akaun Simpanan <i>Ijraa Mudārabah</i>	1,806.30	15.2	11,125.77	81.2	18,600.70	74.9
Akaun Simpanan Wadi <i>Mudārabah</i>	132,932.72	88.0	187,783.17	66.1	213,593.79	45.3
Akaun Pewani <i>Mudārabah</i>	10,045.86	100.0	32,362.86	322	21,980.32	51.8
Akaun Pelaburan Sakinah	4,648,858.50	100.0	- 2,921,315.50	-62.8	- 282,766.70	- 16.4
<b>Jumlah</b>	<b>44,374,325.02</b>	<b>80.40</b>	<b>- 25,998,517.27</b>	<b>- 4</b>	<b>962,257.71</b>	<b>12.8</b>

Sumber: BIMB cawangan Banting

\*sehingga Julai 2001

Jumlah pertambahan dan kadar pertumbuhan tahunan untuk deposit ditunjukkan di dalam jadual 3.5 di atas. Daripada jadual didapati arah aliran keseluruhan deposit adalah sentiasa turun dan naik. Pada tahun 1999, jumlah keseluruhan deposit meningkat sebanyak RM44 juta dan kemudiannya menurun kepada negatif RM26 juta pada tahun 2000 dan menurun lagi pada tahun 2001 sebanyak RM9.6 ribu. Sejajar dengan turun naik pertambahan dan pengurangan ini, jumlah deposit mengalami kadar pertumbuhan positif 177 % pada tahun 1999, tetapi kemudian kadar pertumbuhannya menjadi negatif 37.4 % pada tahun 2000 dan positif semula pada tahun 2001 kepada 2.2 %.

Daripada segi pertambahan dan pengurangan deposit pula, hanya akaun simpanan Ijraa dan Wadi sahaja yang mengalami peningkatan jumlah pertambahan setiap tahun. Akaun Ijraa meningkat paling tinggi pada tahun 2001 kepada RM18.6 ribu berbanding sebelumnya hanya RM11.1 ribu. Akaun Wadi juga meningkat paling tinggi pada tahun 2001 dengan pertambahan sebanyak RM 213.6 ribu berbanding tahun 1999 dan 1998 dengan hanya RM187.8 dan RM133 ribu ringgit. Akaun-akaun lain samada mengalami pertambahan yang berkurangan atau pertambahan yang negatif.

Akaun simpanan meningkat paling tinggi pada tahun 1999 kepada RM2.3 juta tetapi menurun pada tahun 2000 kepada hanya RM1.4 juta. Namun daripada Januari hingga Julai 2001, jumlah deposit meningkat sebanyak RM2.4 juta dengan kadar pertumbuhan sebanyak 21.5 %. Akaun simpanan *Mudārabah*, walaupun meningkat pada kadar pertumbuhan 53.6 % pada tahun 1999 tetapi jumlah peningkatannya adalah lebih rendah daripada akaun simpanan iaitu hanya RM865 ribu dan pertambahan ini menurun pada tahun berikutnya dengan hanya RM289 ribu atau hanya 11.7 %. Namun pengurangan ini meningkat sebanyak 26.5% pada tahun 2001 dengan jumlah pertambahan sebanyak RM733 ribu ringgit.

Akaun pelaburan untung dan rugi yang lain iaitu Pewani dan Sakinah, mengalami peningkatan dan penurunan yang lebih rendah sesuai dengan jumlah deposit. Pada tahun 2000 akaun Pewani meningkat sebanyak RM32.3 ribu, tetapi jumlah pertambahan ini menurun kepada hanya RM22 ribu pada tahun berikutnya. Kadar pertumbuhannya pula hanya 51.8 % pada tahun 2001 berbanding sebelumnya pada kadar 322 %. Akaun pelaburan Sakinah pula telah mengalami

pertambahan yang negatif pada tahun 2000 dengan penurunan hampir RM3 juta dan jumlah ini menurun lagi pada tahun berikutnya dengan pertambahan negatif RM283 ribu dengan kadar pertumbuhan negatif 16.4 %.

Oleh itu, secara keseluruhannya jumlah pertambahan deposit akaun semasa dan simpanan adalah lebih tinggi daripada jumlah pertambahan deposit bagi akaun berprinsipkan *Mudārabah*. Pada pertengahan tahun 2001 sahaja, jumlah pertambahan akaun semasa dan simpanan adalah hampir sebanyak RM2.5 juta berbanding akaun berprinsipkan *Mudārabah* yang mengalami pertambahan negatif sebanyak RM1.5 juta.

Jadual 3.6 : Jumlah pendeposit BIMB cawangan Banting 1998-2001.

<b>Jenis Akaun / Tahun</b>	<b>1998</b>	<b>1999</b>	<b>2000</b>	<b>2001*</b>
Akaun Semasa	636	801	955	1040
Akaun Simpanan	3951	4671	5300	5639
Akaun Pelaburan	125	142	143	184
Akaun Simpanan <i>Mudārabah</i>	664	873	1053	1115
Akaun Simpanan Ijraa <i>Mudārabah</i>	56	79	96	117
Akaun Simpanan Wadi <i>Mudārabah</i>	376	614	839	1025
Akaun Simpanan Pewani <i>Mudārabah</i>	-	18	39	45
Akaun Pelaburan Sakinah	-	19	11	3
<b>Jumlah</b>	<b>5808</b>	<b>7217</b>	<b>8436</b>	<b>9168</b>

Sumber : BIMB cawangan Banting.

\* sehingga Julai 2001.

Jadual 3.6 di atas menunjukkan jumlah pelanggan di BIMB cawangan Banting. Daripada jumlah pelanggan ini, jumlah pelanggan akaun semasa dan simpanan sentiasa meningkat setiap tahun. Jumlah pelanggan akaun ini juga lebih tinggi daripada mana-mana jumlah pelanggan akaun lain. Pada tahun 1999, jumlah pelanggan akaun simpanan meningkat sebanyak 720 pelanggan kepada

4,671 pelanggan. Manakala pada tahun 2000 jumlah ini meningkat kepada 5,300 pelanggan dan 5,639 pelanggan pada tahun 2001. Akaun semasa pula meningkat kepada 801 pelanggan pada tahun 1999 berbanding sebelumnya hanya 639 pelanggan. Pada tahun 2000 dan 2001, jumlah ini semakin meningkat kepada 955 pelanggan dan 1,040 pelanggan.

Apabila melihat keadaan akaun perkongsian untung rugi pula, jumlah pelanggan paling ramai adalah di dalam akaun simpanan *Mudārabah* diikuti akaun simpanan Wadi *Mudārabah*. Jumlah penyimpan di dalam akaun simpanan *Mudārabah* meningkat pada tahun 1999 kepada 873 penyimpan daripada sebelumnya yang hanya 664 penyimpan sahaja. Pada tahun 2000 dan 2001 pula, jumlah ini meningkat kepada 1,053 penyimpan dan 1,115 penyimpan. Akaun simpanan Wadi pula pada tahun 1998 mempunyai pendeposit seramai 376 pendeposit dan meningkat pada tahun berikutnya kepada 614 pendeposit. Jumlah ini meningkat kepada 839 pendeposit dan 1,025 pendeposit pada tahun 2000 dan 2001.

Akaun simpanan Pewani pula mengalami pertambahan pelanggan yang positif setiap tahun walaupun pada kadar pertumbuhan yang menurun. Pada tahun pengenalamannya, akaun ini hanya mampu menarik 18 orang pelanggan, dan jumlah ini meningkat pada tahun berikutnya kepada 39 orang pelanggan. Pada pertengahan tahun 2001, akaun ini mampu menarik pelanggan seramai 45 orang dengan kadar pertumbuhan 15.4 %. Manakala akaun pelaburan Sakinah pula, jumlah pelanggannya semakin menurun setiap tahun, di mana pada tahun pengenalamannya, akaun ini mempunyai pendeposit hanya seramai 19 orang dan

jumlah ini semakin menurun kepada 11 dan 3 pendeposit sahaja pada tahun 2000 dan 2001.

Oleh itu secara keseluruhannya, jumlah pendeposit akaun bukan *Mudārabah* adalah lebih tinggi daripada akaun berbentuk *Mudārabah*. Walaupun pelaburan *Mudārabah* memperkenalkan pelbagai jenis akaun yang berlainan jenis dan nama, namun ia tidak dapat menarik pendeposit untuk mendeposit di dalam akaun sedemikian. Ini sekaligus menunjukkan bahawa kurangnya penglibatan masyarakat sekitar terhadap perkongsian untung rugi di dalam aktiviti pelaburan mereka walaupun hanya perkongsian yang berbentuk pasif.

#### 3.4.2 Perkhidmatan Pembiayaan

Jadual 3.7 : Perkhidmatan Pembiayaan\*BIMB cawangan Banting 1998-2001.

Jenis Akaun	1998	1999	2000	2001*
BBA	2,673,012.81	4,773,126.15	7,763,130.49	10,186,578.16
<i>Qard al-Hasan</i>	960,117.47	5,060,864.45	6,844,030.04	6,377,563.79
<i>Ijārah</i>	-	-	110,910.43	98,366.66
<b>Jumlah</b>	<b>3,633,130.28</b>	<b>9,833,990.60</b>	<b>14,718,070.96</b>	<b>16,662,508.61</b>

Sumber : BIMB cawangan Banting

\*Bentangan disesuaikan mengikut keperluan

\*\*sehingga Julai 2001

Jadual 3.7 menunjukkan taburan pembiayaan BIMB cawangan Banting terhadap pelanggan mengikut jenis akaun. Jadual menunjukkan pertambahan sebanyak RM13 juta atau meningkat dengan kadar pertumbuhan 367 % bagi jumlah pembiayaan yang dikeluarkan oleh BIMB cawangan Banting untuk jangka masa tiga setengah tahun yang lalu. Pembiayaan BBA dan *Murābahah*

mencatatkan peningkatan setiap tahun berbanding pembiayaan *Qard al-Hasan* dan *Ijārah* yang berkurangan jumlahnya.

Pertambahan paling banyak adalah pembiayaan jenis BBA iaitu sebanyak RM7.5 juta. Pada tahun 1999, jumlah pembiayaan meningkat kepada RM4.8 juta daripada RM2.7 juta tahun sebelumnya. Jumlah ini meningkat lagi pada tahun 2000 kepada RM7.8 juta dan sehingga Julai tahun 2001, jumlah ini mencatat peningkatan kepada RM10.2 juta.

Manakala pembiayaan *Qard al-Hasan* pula, mencatatkan peningkatan sebanyak RM5.9 juta sepanjang tempoh berkenaan. Pada tahun 1999, jumlah pembiayaan adalah meningkat daripada tahun sebelumnya kerana wujud pembiayaan Tabung Usahawan Kecil di bawah prinsip *Qard al-Hasan*. Dari Januari hingga Julai 2001 sahaja jumlah pembiayaan ini meningkat kepada RM6.4 juta daripada RM6.8 juta tahun 2000. Oleh itu, pada akhir tahun 2001 jumlahnya mungkin meningkat dua kali ganda.

Pembiayaan paling banyak dibuat untuk tujuan peribadi iaitu sebanyak RM1.2 juta pada kadar 25 % untuk jangka masa dua setengah tahun. Berbanding dengan pembiayaan untuk Tabung Usahawan Kecil, hanya RM104 ribu dengan kadar 66 % untuk tempoh yang sama. Ini pada dasarnya amat mengecewakan kerana walaupun pembiayaan ini bukan berbentuk *Mudārabah* dan *Musyārakah*, tetapi pembiayaan berbentuk pembangunan usahawan kecil adalah lebih utama daripada peribadi.

Pembiayaan berbentuk *Ijārah* pula hanya bermula tahun 2000 dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM111 ribu. Dari Januari hingga Julai 2001, jumlah pembiayaan adalah sebanyak RM98 ribu.

Pembiayaan berbentuk *Mudārabah* dan *Musyārakah* tidak mendapat perhatian pelanggan. Malah pada dasarnya BIMB cawangan Banting tidak memberikan pembiayaan sedemikian kerana tanggungan yang tidak terhad dan hanya BIMB pusat sahaja yang memberikan pembiayaan sedemikian. Begitu juga dengan Surat Kredit *Musyārakah* yang tidak pernah digunakan oleh pelanggan walaupun ia ditawarkan oleh pihak bank. Pelanggan BIMB cawangan Banting menggunakan paling banyak perkhidmatan BBA untuk pembiayaan rumah, rumah kedai, tanah dan sebagainya. Taburan pembiayaan pelanggan ini boleh dilihat di dalam jadual 3.8.

Jadual 3.8 : Taburan pembiayaan pelanggan BIMB cawangan Banting 1998-2001\*

<b>Jenis Pembiayaan</b>	<b>1998</b>	<b>1999</b>	<b>2000</b>	<b>2001*</b>
<b>BBA</b>				
Rumah	2,255,391.44	2,628,663.91	4,003,067.80	4,859,087.38
Kedai & Rumah Kedai	152,583.54	542,405.51	895,039.07	851,861.11
Tanah	-	80,373.65	239,227.12	321,818.98
Komputer	117,199.15	141,378.67	230,853.65	280,792.07
Barangan Pengguna	11,024.02	17,246.31	20,357.72	18,180.79
Kenderaan	11,312.91	56,570.14	98,153.66	79,346.97
Pendidikan	-	14,644.54	90,047.74	100,841.55
Lain-lain	125,501.86	1,291,843.33	2,186,383.73	3,674,649.31
Jumlah	2,673,012.92	4,773,126.06	7,763,130.49	10,186,578.16
<b>Qard al-Hasan</b>				
Peribadi	960,117.47	4,904,268.83	6,566,106.57	6,116,867.50
Tabung Usahawan Kecil	-	156,595.62	277,923.47	260,696.29
<b>Jumlah</b>	<b>960,117.47</b>	<b>5,060,864.45</b>	<b>6,844,030.04</b>	<b>6,377,563.79</b>

Sumber : BIMB cawangan Banting.

\*sehingga Julai 2001.

Bentangan disesuaikan mengikut keperluan.

Jadual 3.8 menunjukkan taburan pembiayaan pelanggan BIMB cawangan Banting untuk tahun 1998-2001. Daripada jadual didapati jumlah pembiayaan untuk BBA sentiasa meningkat setiap tahun. Daripada jumlah itu, pembiayaan paling banyak dibuat untuk pembiayaan rumah iaitu dengan pertambahan sebanyak RM2.6 juta atau meningkat dengan kadar 115 % dalam jangka masa tiga setengah tahun. Ini diikuti dengan pembiayaan kedai dan rumah kedai sebanyak RM699 ribu.

Pembiayaan-pembiayaan lain juga meningkat untuk tempoh tiga setengah tahun ini kecuali pembiayaan barangan pengguna dan kenderaan yang berkurangan daripada RM20.4 ribu kepada RM18.2 ribu dan RM98.2 ribu kepada

RM79.3 ribu pada tahun 2001. Pembiayaan tanah dan pendidikan mula diperkenalkan pada tahun 1999 dengan jumlah pembiayaan awal sebanyak RM80.4 ribu dan RM14.6 ribu. Dari Januari hingga Julai tahun ini, pembiayaan ini meningkat kepada RM321.8 ribu dan RM100.8 ribu. Ia mencatatkan jumlah pertambahan pembiayaan sebanyak RM241 ribu atau meningkat dengan kadar pertumbuhan melebihi 300 % dan RM86.2 ribu atau berkadar 589 %.

Manakala pembiayaan untuk *Qard al-Hassan*, pembiayaan hanya berbentuk peribadi dan Tabung Usahawan Kecil. Daripada jadual menunjukkan bahawa terdapat pertambahan sebanyak RM5.2 juta atau meningkat dengan kadar 537 % bagi jumlah pembiayaan peribadi untuk jangka masa tiga setengah tahun. Pembiayaan ini menyumbang hampir 97 % daripada keseluruhan pembiayaan *Qard al-Hassan* berbanding dengan pembiayaan Tabung Usahawan Kecil.

Walaubagaimanapun, penulis tidak mendapat maklumat mengenai jumlah pelanggan yang menggunakan setiap pembiayaan berkenaan kerana timbul kesukaran di pihak bank untuk memperolehi maklumat sedemikian. Begitu juga dengan maklumat berkenaan pelanggan Islam dan bukan Islam tidak dapat diperolehi kerana pihak bank tidak mempunyai rekod berkenaan.

### **3.4.3 Perkhidmatan Perdagangan Lain**

Pihak bank tidak pernah memberikan pembiayaan berbentuk surat kredit di dalam perkhidmatan perdagangan lain. Walaubagaimanapun, perkhidmatan modal kerja pernah diberikan kepada pelanggannya. Jadual 3.9 menunjukkan jumlah pembiayaan *Murâbahah* (modal kerja) untuk tahun

1998-2001. Jumlah pertambahan pembiayaan *Murābahah* adalah sebanyak RM386 ribu dalam tempoh tiga setengah tahun. Walaupun untuk 2 tahun pertama tidak mencatat pertambahan, tetapi untuk tahun 2000, jumlahnya mendadak meningkat kepada RM406 ribu dan RM411 ribu untuk tahun berikutnya.

Jadual 3.9 : Pembiayaan modal kerja secara *Murābahah* untuk tahun 1998-2001\*.

Pembiayaan	1998	1999	2000	2001*
<i>Murābahah</i> (Modal Kerja)	25,363.00	25,363.00	406,460.41	411,264.92

Sumber : BIMB cawangan Banting.

\*sehingga Julai 2001.

Bentangan disesuaikan mengikut keperluan.

Namun begitu, mengikut rekod yang diperolehi daripada pihak BIMB pusat, sumbangan yang diberikan oleh BIMB cawangan Banting adalah terlalu sedikit. Pada tahun 1998, cawangan ini hanya menyumbangkan sebanyak 0.72 %, 0.99 % pada tahun 1999 dan pada tahun 2000 hanya 0.63 %. Pada hakikatnya ini amat mendukacitakan kerana hanya terdapat satu BIMB di Daerah Kuala Langat dan ini sepatutnya menjadi tumpuan penduduk Islam di daerah berkenaan. Mungkin terdapat kesukaran kerana kedudukannya yang jauh daripada tempat tinggal penduduk.

### **3.5 KESIMPULAN**

Sumbangan BIMB cawangan Banting kepada penduduk setempat tidak dapat dilihat secara pasti kerana banyak kenyataan dan data-data yang menunjukkan kurangnya penggunaan prinsip perkongsian untung dan rugi oleh pelanggan. Di dalam hal ini, penulis mengakui tidak terdapat satu sokongan yang kuat daripada pihak BIMB pusat untuk memperkembangkan prinsip ini kerana dikhuatiri kerugian dan modal kecairan yang kecil di pihak BIMB cawangan Banting. Walaubagaimanapun, penulis berpendapat sekurang-kurangnya harus terdapat satu projek yang diusahakan secara *Mudārabah* atau *Musyārakah* sebagai tanda sokongan ke atas penggunaan prinsip berkenaan.